



Rata-rata anggota masyarakat marah dan tidak berpuas hati dengan tindakan sekumpulan pekerja sebuah restoran popular di Bangsar yang mencuci pinggan menggunakan air lopak di belakang premis berkenaan.

Video yang tular baru-baru ini dalam media sosial menunjukkan mereka melakukan kerja tersebut tanpa sedikitpun rasa bersalah dan umpama satu aktiviti rutin bagi mereka. Mujur dengan adanya video tersebut pengguna dapat tahu perkara sebenar dan pihak berkuasa dapat bertindak dengan segera.

Namun bayangkan jika video itu tidak tular, kejadian tersebut mungkin akan berterusan dan akhirnya pelanggan menerima padahnya.

Walaupun pengusaha restoran memberikan pelbagai alasan termasuk dilakukan pekerja tanpa kebenaran, arahan mahupun pengetahuan mereka, harus diingat ini tanggungjawab utama pengusaha.

Soal kebersihan dan tingkah laku pekerja di premis makanan tidak boleh dikompromi dalam apa jua keadaan kerana ia melibatkan kesihatan dan keadilan kepada pelanggan.

Ironinya ini bukan kes pertama membabitkan soal kebersihan dan tingkah laku pekerja di premis makanan. Dari semasa ke semasa kita terus didedahkan pelbagai insiden seperti ini termasuk gelagat tikus dan pelbagai serangga berkeliaran di dapur, lantai premis kotor dipenuhi tisu dan puntung rokok, pengurusan sampah tidak memberangsangkan serta penampilan pekerja tidak menyenangkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilaporkan mengarahkan 307 premis makanan di ibu negara ditutup serta-merta sejak awal Januari hingga 3 April lalu berikutan kegagalan mematuhi peraturan ditetapkan, terutama aspek kebersihan premis dan makanan.

Manakala Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pula dilaporkan mengarahkan 59 premis makanan ditutup dalam operasi dilaksanakan sejak Januari hingga Jun selepas pemiliknya gagal mematuhi peraturan dan piawaian kebersihan ditetapkan.

Persekitaran premis serta bahan makanan kotor dan tercemar sudah semestinya mengundang masalah kesihatan kepada pelanggan, jadi perkara ini perlu ditangani berterusan supaya pelanggan dilindungi daripada pengusaha tidak bertanggungjawab.

Bagi mengatasi masalah ini, pengusaha, pihak berkuasa dan pelanggan perlu bijak memainkan peranan masing-masing. Sebagai pemain penting dalam isu ini, pengusaha perlu memikul tanggungjawab utama. Sebagai pemilik pre-

Jangan fikir makan sedap aje



PENGUAT kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menampal notis penutupan di pintu restoran di Bangsar yang mencetuskan kekecohan.

mis, menjadi tanggungjawab pengusaha memastikan semua pekerja mengutamakan kebersihan premis dan makanan.

Hasil pengamatan kita menunjukkan masalah seperti ini banyak ditimbulkan pekerja asing di sesuatu premis makanan tersebut. Latar belakang mereka yang datang dari negara kurang mengutamakan kebersihan banyak mempengaruhi gelagat dan ge-

rak-geri mereka di negara ini. Ringkasnya mereka terbawa-bawa cara hidup, budaya dan kerja di negara asal mereka yang tidak sama dengan budaya dan norma kehidupan masyarakat kita.

Jadi kita berharap pengusaha yang menggaji pekerja asing memberi tunjuk ajar, pendedahan dan menyediakan latihan secukupnya supaya golongan ini memahami keperluan dan tuntutan

budaya tempatan sebelum memulakan tugas.

Kita tidak mahu pengusaha memberi alasan hingga perkara sama terus berulang. Kita juga mahu pengusaha mengambil tindakan tegas ke atas pekerja degil termasuk diambil tindakan menamatkan kontrak perkhidmatan mereka.

Sebagai tambahan, pengusaha yang menguruskan premis makanan 24 jam perlu mempunyai jadual pembersihan premis teratur. Kita sedia maklum mereka beroperasi sepanjang masa dengan pekerja silih berganti mengikut syif, tetapi bagaimana urusan penjagaan dan penyelenggaraan kebersihan premis dan makanan yang dikendalikan? Kita tidak mahu pengusaha premis 24 jam memberi alasan tidak mempunyai masa untuk urusan penjagaan kebersihan.

Sebagai pengguna, kita hargai usaha dan kerja keras pihak berkuasa yang pantas bertindak dan membuat pemantauan termasuk mengkategorikan premis mengikut gred A, B dan C. Kita harap aktiviti pemantauan terus dilipatgandakan tanpa menunggu aduan daripada pengguna. Jika perlu teliti semula hukuman dikenakan, adakah masih tidak cukup berat? Mungkin sudah tiba masanya hukuman ini dikaji semula supaya pengusaha mengambil iktibar.

Dalam pada itu, pengguna juga perlu bijak. Ini melibatkan hak, apatah lagi menyentuh soal kesihatan diri. Harus diingat kita mempunyai pilihan kerana premis makanan di negara kita banyak. Kita perlu bijak memilih premis yang menawarkan makanan sedap dan murah serta mengutamakan kebersihan.

Kadang-kadang kita hairan melihat ramai pelanggan masih mengunjungi premis yang tidak bersih. Dalam soal ini siapa perlu dipersalahkan? Kenapa kita tidak menggunakan hak memboikot premis begini dan melaporkan kepada pihak berkuasa. Tetapi ini tidak berlaku, sebaliknya pengguna memberi signal kepada pengusaha keadaan seperti ini tidak apa.

Sedarlah apa gunanya makanan sedap atau murah, tetapi kita terpaksa menderita pelbagai penyakit kerana makanan tercemar.

Semoga semua pihak mengambil iktibar dan menjaga kebersihan supaya tidak mengundang kemudaratan kesihatan masyarakat secara keseluruhannya. Tegasnya, dalam apa jua keadaan sekalipun jangan sekali-kali berkompromi soal kesihatan dan kebersihan makanan yang akan menjadi darah daging kita.

**Timbalan Pendaftar Fakulti
Kejuruteraan Universiti Putra
Malaysia (UPM)**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

